

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**SOALAN**

**TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan peralihan sistem siaran televisyen analog kepada siaran televisyen digital myFreeview sepenuhnya.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan infrastruktur Televisyen Terrestrial Digital (“DTT”) telah selesai pada 22 Mac 2019 melalui pembinaan 44 tapak pemancar TV Digital yang disokong dengan perkhidmatan ‘Direct to Home’ (DTH”) bagi menyediakan liputan sehingga 100% kawasan berpenduduk di seluruh negara. Perkhidmatan DTH ini telah disediakan bagi memastikan liputan siaran TV Digital di kawasan-kawasan terlindung.
2. Pada masa ini, sebanyak 15 saluran TV dan enam (6) saluran radio boleh didapati pada platform TV Digital myFreeview yang disediakan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM), Media Prima, TV AlHijrah dan Bernama News Channel (BNC). Dijangkakan terdapat beberapa lagi saluran TV baharu bakal disiarkan di platform TV Digital myFreeview dalam tempoh terdekat untuk dinikmati oleh Rakyat.
3. Kempen Pendidikan dan Kesedaran yang berterusan di seluruh negara meliputi hebahan melalui siaran TV, radio, media cetak, media sosial sehingga menjangkau komuniti masyarakat tempatan di kawasan-kawasan luar bandar telah berjaya mewujudkan kesedaran yang tinggi di kalangan Rakyat.

4. Justeru itu, Malaysia kini telah bersedia untuk beralih kepada siaran TV Digital myFreeview secara sepenuhnya daripada siaran TV percuma menggunakan teknologi lama (Analog) pada 31 Oktober 2019, ini sekaligus menandakan satu era baharu dalam industri penyiaran negara.

5. Seperti mana yang telah diumumkan oleh SKMM melalui siaran akhbar pada 24 September 2019, peralihan kepada siaran TV Digital myFreeview ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut wilayah seperti berikut:

<b>WILAYAH</b>	<b>TARIKH PERALIHAN</b>
Tengah dan Selatan	30 September 2019
Utara dan Timur	14 Oktober 2019
Sabah dan Sarawak	31 Oktober 2019

6. Peralihan daripada siaran TV Analog ke siaran TV Digital myFreeview di seluruh negara adalah berikutan hasil kejayaan ujian rintis yang telah dijalankan di Pulau Langkawi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama pihak industri penyiaran sejak 21 Julai 2019 lalu.

7. Perkhidmatan siaran TV Digital myFreeview adalah antara usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang digital merangkumi penduduk di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Ia juga sejajar dengan wawasan Kemakmuran Bersama kerajaan yang membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan TV Digital yang berkualiti secara percuma dan tanpa yuran langganan bulanan.

8. Dengan adanya siaran TV Digital myFreeview, ia turut memberi pilihan kepada rakyat untuk menonton pelbagai saluran TV, radio dan aplikasi baharu seperti membeli-belah atas talian, maklumat semasa, pendidikan interaktif dan rancangan-rancangan menarik yang lain.